

# Jamil optimis hadapi cabaran

*Sikap positif selamatkan syarikatnya ketika gawat melanda negara pada 1997*

**KAMARUL HALIM  
M KAMAL**

NOMBOR pendaftaran JAL 8464, itulah bas pertamanya ketika mula berjinak men-ceburi bidang perniagaan dengan memilih sektor pengangkutan atas dasar minat.

Bermula dengan bas kilang, kerana ketika itu, pada tahun 1989, daerah Batu Pahat mengalami perubahan drastik dalam sektor perindustrian di mana banyak kilang-kilang dibina.

Perkembangan ekonomi itu, memberi peluang kepada pengusaha bas terutamanya pemilik Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan mereka termasuk syarikat Colourplus yang berpusat di Parit Raja.

Pemiliknya, Jamil Dazdat Khan, 47, berkata, itu cerita 23 tahun lalu, tetapi kini perniagaan syarikat berkenaan sudah mempunyai cabang niaga kepada bas sewa khas, bas sekolah, bas catar dan perkhidmatan bas persiaran.

## **Kegawatan ekonomi cabaran utama**

MENURUT Jamil, setiap perniagaan mempunyai pasang surutnya dan antara yang dihadapinya ialah ketika ke-



Jamil di dalam salah sebuah basnya.

gawatan ekonomi pada 1997.

Katanya, selepas lapan tahun berada di kedudukan selesa, kegawatan ekonomi itu merupakan tamparan hebat terpaksa dihadapinya apabila 'tender' mengambil pekerja di beberapa kilang dihentikan.

"Perkara ini disebabkan beberapa kilang terutamanya dari luar negara menutup operasi mereka dan ada juga sesetengahnya membuat pengurangan pekerja kerana kos operasi yang begitu tinggi, waktu itu.

"Dan ketika itu jugalah banyak pengusaha bas kilang mengalami kerugian, mereka terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi selain berhadapan dengan hutang yang tidak dapat diselesaikan,

sehingga ada yang terpaksa 'menggulung tikar'.

"Syarikat saya juga hampir menerima nasib sama, kerana banyak bas yang tidak beroperasi, mujur kami mempunyai permit bas sekolah, yang ketika itu kami mula menumpu mengambil pelajar sekolah pula," katanya.

Menurut Jamil, walaupun ketika ini kilang-kilang di di Batu Pahat kembali aktif, tetapi situasinya tidak lagi seperti dulu kerana kebanyakan kilang yang beroperasi telah mengambil pekerja asing berbanding menggunakan khidmat pekerja tempatan.

Katanya, tidak seperti pekerja tempatan, pekerja asing ini kebanyakannya tinggal ber-



Salah sebuah bas persiaran milik Jamil yang menjadi cabang baru perniagaannya, ketika ini.

hampiran kilang tempat mereka bekerja selain tinggal di asrama kilang.

"Jadi syarikat kami mula mengintai peluang lain, selain beroperasi mengambil pelajar sekolah, syarikat akhirnya mendapat tawaran untuk mengambil pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

"Seperti penyelamat syarikat ini, UTHM yang ketika itu pada tahun 2000 dikenali sebagai Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KuiTTHO), membuka tawaran kepada kami kerana pertambahan pelajarannya selain kolej kediaman dan juga fakulti tempat pelajarannya belajar agak jauh antara satu sama lain.

"Sehingga kini, Colourplus mendapat kepercayaan daripada UTHM untuk membawa pelajarannya dan kontrak berkenaan disambung saban tahun berbanding dengan beberapa syarikat yang lain," katanya.

## **Bercita-cita kembangkan perniagaan**

SETIAP individu yang menciburkan diri dalam bidang perniagaan sudah tentu berhasrat mengembangkan perniagaannya, dan tidak terkecuali bagi syarikat



Jamil (kanan) memerhatikan pekerjaanya melakukan kerja baik pulih bahagian dalam sebuah bas.

Colourplus ini.

Menurut Jamil, kini syarikatnya telah mempunyai 25 bas yang beroperasi dan mempunyai 30 pekerja termasuk pemandu, kerani dan mekanik, yang kebanyakannya penduduk setempat.

Katanya, selain beroperasi sebagai sebuah syarikat bas, syarikatnya juga mula berjinak-jinak dengan kerja baik pulih bas, di mana ia melibatkan bahagian dalam sesebuah bas.

"Biasanya kami akan menerima bas daripada beberapa syarikat luar, yang dihantar ke sini untuk dibaik pulih sebelum bas berkenaan dijual kepada individu atau syarikat lain.

"Kami melihat industri ini mula mendapat perhatian, dan sebab itulah kami mula me-

laksanakannya, kerana kebanyakan syarikat bas kini termasuklah pengusaha bas henti-henti, bas sekolah serta bas kilang mengguna pakai bas 'second hand' berbanding membelinya yang baru kerana memiliki bas baru memerlukan modal yang agak tinggi iaitu sekitar RM400,000 sebuah berbanding RM200,000 untuk bas lama," katanya.

Jamil berkata, beliau bercita-cita untuk membuka laluan bas ekspres yang mempunyai jenamanya yang tersendiri.

Katanya, mengembangkan perniagaan sememangnya satu perkara yang positif, tetapi beberapa perkara perlu ada pada pemilik setiap perniagaan iaitu sabar dan juga teliti dalam membuat keputusan.



Jamil (kanan) akan memastikan basnya sentiasa bersih bagi keselesaan pengguna yang menggunakan perkhidmatan yang disediakan.